

KENYATAAN BERSAMA

23 JUN 2026

Masyarakat sivil menuntut kerajaan komited terhadap Akta Kebebasan Maklumat (FOI) yang berkesan, progresif, dan berasaskan hak asasi

Sejak sidang parlimen memulakan mesyuarat kedua bagi tahun ini, Malaysia semakin hampir untuk melangkah ke arah penggubalan Akta Kebebasan Maklumat (FOI). Perundangan ini amat penting dalam memudahkan hak untuk mendapatkan maklumat, iaitu suatu hak yang bukan sahaja mustahak demi mendedahkan salah laku rasuah dan akauntabiliti dalam kerajaan, malah secara umumnya, merupakan hak asasi manusia yang mendasar untuk mana-mana sistem demokrasi berfungsi secara baik.

Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan menjamin kebebasan berucap dan bersuara. Tafsiran perlembagaan yang progresif dan mempunyai tujuan akan mewajarkan bahawa sebarang ekspresi yang bermakna memerlukan akses kepada maklumat yang dipegang oleh badan dan pihak berkuasa awam. Tanpa hak untuk mencari, menerima, dan terlibat dengan maklumat yang penting bagi wacana awam, seseorang individu tidak akan mampu untuk mempunyai sebarang pendapat, mengekspresikan diri mereka secara berkesan, dan mengambil bahagian dalam tadbir urus yang demokratik.

Oleh itu, organisasi dan individu yang menandatangani kenyataan ini menyatakan secara mutlak bahawa elemen-elemen berikut adalah perkara yang tidak boleh dirunding demi sebuah Akta dan rangka kerja FOI yang berkesan, progresif, dan berteraskan hak asasi manusia. Dalam merangka Akta FOI baharu ini, kerajaan Persekutuan mesti memberikan komitmen sepenuhnya untuk melaksanakan elemen-elemen ini jika benar-benar berhasrat untuk membina jalan baharu ke arah ketelusan, akauntabiliti awam, dan tadbir urus demokratik.

Prinsip-prinsip asas yang mendasari aturan FOI Malaysia

Prinsip-prinsip asas yang tidak boleh dirunding seperti yang tertera di bawah mestilah dimasukkan ke dalam Akta FOI. Prinsip-prinsip ini adalah berdasarkan piawaian hak asasi manusia antarabangsa dan amat penting bagi sebuah aturan FOI yang berdaya maju dan progresif.

- a. **Semua maklumat yang dipegang kerajaan adalah milik awam dan harus terbuka secara automatik.** Kerajaan hanyalah pemegang amanah bagi maklumat ini dan hanya boleh menghadkan akses kepada, atau merahsiakan maklumat tersebut sekiranya terdapat alasan pengecualian daripada pendedahan yang sah dan diberi tafsiran dengan jelas.
- b. **Akses Tanpa Syarat.** Terma atau syarat tidak boleh dikenakan ke atas bakal pemohon sebelum mereka berhak menerima maklumat. Khususnya, pemohon tidak sepatutnya diminta untuk mengisytiharkan atau mewajarkan alasan mereka membuat permohonan dan mencari maklumat tersebut.
- c. **Asas statutori terhadap penolakan pendedahan haruslah menyeluruh, khusus, jelas, dan tidak kabur.** Semua alasan pengecualian mestilah diimbangi dengan ujian kepentingan awam dan ujian kemudatan apabila menentukan sama ada pendedahan maklumat patut diberikan. Sebarang sekatan terhadap pendedahan dan akses kepada maklumat awam mestilah berlandaskan piawaian hak asasi manusia antarabangsa dari segi keabsahan, keperluan, dan kesejajaran.
- d. **Harmonisasi undang-undang adalah prasyarat bagi rejim FOI yang progresif.** Penyelarasan komprehensif bagi semua undang-undang dan peraturan yang mungkin memberi kesan kepada pewujudan dan pelaksanaan rangka kerja FOI yang mantap mesti dijalankan seiring dengan penggubalan Akta FOI, contohnya Akta Rahsia Rasmi 1972, Seksyen 203A Kanun Keseksaan, dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

2. Skop Akta

Akta FOI Persekutuan mesti terpakai tanpa sekatan ke atas semua kementerian, jabatan, dan agensi Kerajaan Persekutuan, serta badan-badan berkanun persekutuan. Tidak boleh ada sebarang pengecualian bagi keseluruhan kementerian atau jabatan. Pengecualian sepatutnya hanya bersandarkan kepada sifat, sensitiviti, dan kemudatan yang boleh dibuktikan, dan bukannya berdasarkan identiti pihak berkuasa awam yang memegang maklumat tersebut.

3. Pengawalseliaan dan pengawasan aturan FOI

Sebuah badan kawal selia yang bebas mesti ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan Akta FOI, mengeluarkan ketetapan yang mengikat bagi rayuan atau pertikaian berkaitan permohonan FOI, dan merangka garis panduan untuk mengoperasi serta memperincikan prinsip-prinsip asas Akta tersebut. Perlindungan secara struktur dan institusi mesti dilaksanakan bagi memelihara kebebasan dan autonomi badan ini, dan ia mesti mempunyai akses penuh kepada semua

dokumen atau maklumat yang berkaitan, tanpa sekatan oleh undang-undang kerahsiaan yang lain.

Mengenai fungsinya sebagai pemutus pertikaian, badan bebas tersebut mesti diberi kuasa untuk menjalankan kajian semula merit *de novo* (semakan semula secara menyeluruh dari awal) terhadap keputusan jabatan/agensi eksekutif ke atas permohonan FOI, dan tidak terhad kepada semakan pematuhan prosedur semata-mata.

Fungsi ini boleh diserahkan kepada pejabat Ombudsman yang dicadangkan, selagi sumber yang mencukupi (kewangan dan kakitangan) diperuntukkan bagi menampung dan memenuhi fungsi dua tugas ini secara berkesan.

4. Skim pendedahan proaktif

Demi menggalakkan anjakan budaya ke arah ketelusan dan akauntabiliti, penggubalan Akta FOI sahaja adalah tidak mencukupi. Kerajaan juga mesti komited untuk mewujudkan dasar yang lebih luas bagi memastikan maklumat diterbitkan dan dikemas kini secara rutin dalam bentuk yang mudah diakses. Matlamatnya adalah untuk mewujudkan sistem penerbitan proaktif yang cekap supaya permohonan FOI menjadi langkah terakhir bagi orang awam.

Kesimpulan

Dalam konteks yang lebih luas, kami menegaskan bahawa sebuah anjakan budaya yang mutlak dalam kerajaan ke arah keterbukaan, ketelusan, dan akauntabiliti yang lebih besar harus terjadi.

Pada saat demokrasi Malaysia menjadi semakin matang, budaya kerahsiaan secara automatik dan pandangan paternalistik bahawa 'kerajaan mengetahui yang terbaik' tidak lagi boleh diterima. Mesyuarat Parlimen ini membentangkan peluang kepada kerajaan untuk melangkaui janji retorik semata-mata. Melalui Akta FOI, kerajaan MADANI harus menunjukkan komitmen terhadap reformasi dengan menubuhkan aturan maklumat yang benar-benar memperkasakan rakyat serta memupuk kepercayaan terhadap kerajaan. Bagi mencapai matlamat ini, kerajaan mesti berusaha ke arah satu rangka kerja yang mengiktiraf akses kepada maklumat sebagai satu hak, dan bukannya satu keistimewaan.

Dalam kata lain, amat penting untuk kerajaan tidak mensia-siakan peluang ini.

KENYATAAN TAMAT

Dikeluarkan oleh (Organisasi):

- 1) The Center to Combat Corruption and Cronyism (C4 Center)
- 2) Centre for Independent Journalism (CIJ)
- 3) ARTICLE 19

Disokong oleh (Organisasi):

- 1) Advocates for Non-Discrimination and Access to Knowledge (ANAK)
- 2) Aliran
- 3) All Women's Action Society (AWAM)
- 4) Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
- 5) Architects of Diversity
- 6) Association of Women Lawyers (AWL)
- 7) Badan Bertindak Penduduk Flat Kos Rendah Kuchai Entrepreneurs Park, Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur
- 8) BERSIH
- 9) Childline Foundation
- 10) Child Rights Coalition Malaysia
- 11) Community Action Nexus Berhad
- 12) Consumers' Association of Penang
- 13) Damansara Utama Residents Association B1
- 14) ECPAT Malaysia
- 15) Five Arts Centre
- 16) Freedom Film Network
- 17) Gabungan Darurat Iklim Malaysia Berhad
- 18) Gerakan Media Merdeka (Geramm)
- 19) HAI MANDAK!
- 20) I Care Community Center
- 21) Ikatan Anak Muda Tawau
- 22) Impactlution
- 23) Justice for Sisters
- 24) Klima Action Malaysia – KAMY
- 25) KLSCAH Civil Rights Committee
- 26) Kolektif Seni dan Budaya Malaysia

- 27) Kuala Lumpur Residents Action for Sustainable Development Association (KLRA+SD)
- 28) Lawyer Kamek
- 29) MANDIRI
- 30) Migrant care
- 31) National Union of Journalists Malaysia
- 32) North South Initiative
- 33) OHMSI Sdn Bhd
- 34) OKU Rights Matter Project
- 35) People Like Us Hang Out (PLUHO)
- 36) Persatuan Martabat Untuk Semua
- 37) Persatuan Pemangkin Daya Masyarakat
- 38) Pertubuhan IKRAM Malaysia
- 39) Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam
- 40) Project Stability and Accountability for Malaysia (Projek SAMA)
- 41) Protect Karpal Singh Drive
- 42) Pusat KOMAS
- 43) RA Section 14 Petaling Jaya
- 44) RA Section 20 P.Jaya
- 45) Reproductive Rights Advocacy Alliance Malaysia (RRAAM)
- 46) Sabah Journalists Association
- 47) Sabah Youth Movement
- 48) Sahabat Alam Malaysia
- 49) Save Malaysia Stop Lynas
- 50) SAVE Rivers
- 51) SAWO
- 52) Saya Anak Bangsa Malaysia [SABM]
- 53) Sinar Project
- 54) SIS Forum (Malaysia)
- 55) SIUMAN Collective
- 56) Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)
- 57) Teoh Beng Hock Association for Democratic Advancement
- 58) Third World Network
- 59) Women's Aid Organisation

Disokong oleh (Individu):

1. Alice Chan Ai Lee
2. Andrew Aeria

3. Andrew Khoo
4. Ann Lee
5. Anne James
6. Anwar Fazal
7. Azira Aziz
8. Beatrice Aren
9. Chamil Wariya
10. Chang Teck Peng
11. Cindy May Justin
12. Dania Amani
13. Dato' Dr Amar-Singh HSS
14. Dr. G. Manimaran
15. Dr Linda Lumayag
16. Dr Tricia Yeoh
17. Farrah Nur Fareena Binti Farid Azran
18. Gayathry Venkiteswaran
19. Glen Pengiran
20. Goh You Ping
21. Gowri Subramaniam
22. Heng See Lin
23. Ho Yi Jian
24. Ho Yock Lin
25. Ivy Josiah
26. Juvita Tatan Wan
27. K. Sudhakaran Stanley
28. Lee Ren Xin
29. Lee Shook Fong
30. Lim Yean Nyok
31. Lisa Wong
32. Loo Wuen Yuen
33. Mahyuddin Ahmad Abdul Rahman
34. Mariammah a/p Subramaniam
35. Mohd Ishak Abdillah Ngah
36. Muhammad Ariff Mohamad Nizam
37. Muhammad Nasrun Bin Abd Wahab @ Ismail
38. Naziaty Mohd Yaacob
39. Ng Tien Eng
40. Ngo Sheau Shi
41. PARIMALA A/P NESAMANY
42. Prakash Gopalakrishnan
43. Pushpa Dorsisamy
44. Pushpan Murugiah
45. Roger See Ewe Chee
46. S. S. Yoga

47. Sakuntala Devi d/o Dev Raj
48. Shanti Somasundram
49. Sharmila Sekaran
50. Sheila Gopal Krishnan
51. Shyamala Ponniah Maha Balasandren
52. Sonia Randhawa
53. Sonya Liew Yee Aun
54. Sukumaran
55. Syahila binti Zainal
56. Terence Ooi
57. Thulasi Munisamy
58. U K Menon
59. Vasanthi Nagappan
60. Yuenwah SAN

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

1. *Lim Jih-Ming, Pegawai Komunikasi, CIJ di comms@cijmalaysia.net*
2. *Nalini Elumalai, Pegawai Program Kanan Malaysia, ARTICLE 19 di nalini.elumalai@article19.org*
3. *Prishanth Linggaraj, Pegawai Penyelidikan Dasar dan Undang-Undang, C4 Center di prishanth@c4center.org*